

Wujudkan pekerjaan melalui bidang keusahawanan

Serdang: Pusat keusahawanan universiti banyak membuka peluang kepada pelajar universiti mahupun graduan untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi.

Perkara itu diakui penuntut jurusan Sarjana Muda Sains Perniagaan Tani, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhamad Syahiran Hashim, yang juga pemilik syarikat, Syahiran Global Resources.

Katanya, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolepasaran Graduan (CEM) UPM banyak membantu dia dan rakan usahawan yang bergelar mahasiswa untuk memperluaskan perniagaan melalui aktiviti keusahawanan secara percuma.

“Saya mula bermula sejak di bangku sekolah menengah lagi namun, peluang yang diberikan CEM tidak pernah sekali saya lepaskan kerana segala ilmu yang disediakan cukup berharga.

“Malah, melalui CEM, saya dapat meningkatkan lagi daya saing sebagai seorang usahawan yang tidak hanya tertumpu dalam kampus malah persediaan selepas tamat pengajian,” katanya ketika ditemui pada Majlis



Muhamad Syahiran



Nurzulaikha

Apresiasi CEM 2018 di sini, baru-baru ini.

Kejayaan Muhamad Syahiran memperluaskan perniagaannya dengan membuka beberapa cawangan dalam dan luar kampus melayakkan anak muda dari Kota Bharu, Kelantan itu dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Siswa Terbaik UPM 2018, manakala pelajar jurusan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Nurzulaikha Raduian sebagai Usahawan Siswi Terbaik.

Ubah persepsi

Muhamad Syahiran berkata, CEM sentiasa menganjurkan aktiviti keusahawanan secara percuma kepada mahasiswa, selain menyediakan gerai untuk usahawan memulakan

perniagaan mereka walau pun secara kecil-kecilan.

“CEM amat membantu usahawan universiti mengembangkan lagi bakat berniaga yang ada di dalam diri mahasiswa ke arah menjadikan mereka sebagai ketua bukannya hanya pekerja.

“Ini adalah perkara menarik bagi saya kerana mahasiswa perlu mengubah persepsi untuk mewujudkan pekerjaan melalui perniagaan,” katanya.

Bersetuju dengan pendapat yang sama, pemilik pusat kecantikan ZueBeauty, Nurzulaikha Raduian mengakui CEM UPM banyak membantunya sebagai usahawan bidang kecantikan di dalam kampus.

“Bukan mudah untuk memulakan perniagaan


tetapi saya cukup bertuah kerana menyambung pengajian di UPM.

“Kami didedahkan dengan pelbagai ilmu perniagaan selain diberi ruang niaga seperti jika ada ekspo atau karnival di medan PutraBiz, UPM,” katanya.

Baru sahaja menamatkan pengajian dalam jurusan Bahasa dan Komunikasi tahun lalu, Nurzulaikha berterima kasih atas usaha CEM yang tidak hanya menyediakan platform atau aktiviti untuk disertai peniaga kampus malahan memantau perkembangan golongan itu.

“Jika kami jatuh, mereka kalah antara yang bangunkan kami semula, selain memberi kata semangat untuk bangkit semula kerana dalam perniagaan sudah pasti ada pasang surut.

“Saya melihat peranan CEM UPM juga bergerak seiring dengan kehendak pasaran terutama pelajar universiti. Bukan sahaja mewujudkan peluang untuk menjana pendapatan pelajar tetapi mereka turut memastikan akademik pelajar tidak terjejas sepanjang membabitkan diri dalam perniagaan,” katanya.



Graduan perlu didekah dengan pelbagai ilmu perniagaan.